

**UCAPAN PENUTUP  
DAN PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS  
INDUKSI KOPERASI AHLI BARU  
ANGKASA**

23 Februari 2017 (Khamis)  
Klana Resort Seremban, Negeri  
Sembilan

**DATO HJ ABDUL FATTAH HJ  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

---

Bismillahirrahmannirrahim,  
Assalamulaikum WBT dan Salam  
1Koperasi

Terima Kasih Pengacara Majlis

Yang Berbahagia

**Dato' Hj. Ibrahim Hj. Abdullah**

Pengerusi Jawatankuasa

Perhubungan ANGKASA Negeri

Sembilan dan Barisan Ahli

Jawatankuasanya

Pegawai-pegawai ANGKASA dari  
ANGKASA pusat dan ANGKASA  
Negeri Sembilan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang  
dihormati sekalian.

---

1. Terima kasih kepada para pemimpin koperasi yang dapat melapangkan masa untuk hadir pada hari ini, untuk bersama-sama mengikuti Kursus Induksi khusus bagi koperasi yang baru menjadi ahli ANGKASA.

2. Ini kerana dalam kursus inilah, tuan-tuan dan puan-puan yang mewakili koperasi boleh mengetahui lebih lanjut apakah visi, misi dan hala tuju ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi di negara ini. Di samping itu juga, tuan-tuan telah mendapat

pendedahan mengenai peranan yang dimainkan ANGKASA dalam membantu koperasi dan komuniti untuk menjadi penyumbang ekonomi yang berkesan kepada negara.

3. Tuan-tuan juga, telah diberi penerangan yang terperinci tentang hak dan tanggung jawab koperasi ahli ANGKASA seperti menghadiri Persidangan Negeri dan Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA. Semua ini perlu untuk dimaklumkan bagi memastikan

kefahaman tuan-tuan adalah jelas mengenai UUK ANGKASA.

4. Saya bagi pihak ANGKASA sangat berbesar hati dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan kerana sokongan seperti ini menunjukkan bahawa gerakan

koperasi masih mendapat perhatian sewajarnya daripada masyarakat.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang  
Dihormati Sekalian**

5. Pada **13 Julai 2012 Deklarasi Putrajaya** telah dimenterai antara SKM, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan ANGKASA. Tujuan utama deklarasi ini diadakan untuk mengoptimumkan sumber, sama ada sumber kewangan dan juga sumber manusia, bagi memastikan

tidak ada pertindihan/duplikasi kerja semasa melaksanakan tanggung jawab membangunkan koperasi di Malaysia.

6. Hasil deklarasi ini, ANGKASA telah diberikan tanggung jawab besar iaitu untuk merangsang dan

membangunkan perniagaan koperasi. Selain itu, ANGKASA diiktiraf sebagai badan apeks yang mewakili gerakan koperasi serta berperanan untuk menyebarkan kefahaman jati diri dan pengukuhan nilai serta prinsip koperasi.

7. Tanggung jawab untuk merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi merupakan satu cabaran yang besar kepada ANGKASA. Oleh sebab itu, pada kesempatan ini, suka saya memaklumkan kepada tuan-tuan dan puan-puan tentang **Dasar**

**Koperasi Negara dan Cooperative Transformation Programme (CTP)** yang dilaksanakan oleh ANGKASA yang akan memacu gerakan koperasi negara terutamanya peranan untuk merangsang koperasi terlibat dalam bidang perniagaan berimpak tinggi.

8. Untuk makluman semua, sektor koperasi akan menjadi penyumbang ekonomi yang berkesan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia menjelang tahun 2020.

9. Mengikut perangkaan 30 Januari 2016 oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), bilangan koperasi telah meningkat kepada lebih **13,000 buah** koperasi di seluruh negara yang melibatkan jumlah keanggotaan individu kira-kira seramai **8 juta orang**. Manakala

modal syer pula berjumlah **RM13.9 billion** dan Aset sebanyak **RM125.4 billion** yang menjana perolehan sehingga **RM20 billion** .

10. Angka ini secara tidak langsung menggambarkan bagaimana besarnya sumbangan

sektor koperasi dalam ekonomi negara walaupun jika mengikut peratusan ianya hanya mewakili **4 atau 5 peratus** sahaja terhadap KDNK negara yang berjumlah kira-kira lebih **RM1.1 trillion pada tahun 2015.**

11. Pada kesempatan ini, ANGKASA ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan hari ini kerana telah mengadakan pelbagai program dan dasar yang memberi kejayaan kepada koperasi.

12. Dasar seperti **Economic Transformation Programme (ETP)** memberikan dampak yang besar kepada perkembangan ekonomi negara yang berkembang pada kadar **5 peratus** pada tahun 2015. Ini merupakan indikator utama yang memperlihatkan bagaimana dasar-

dasar kerajaan, memberikan impak yang besar kepada kerancakan ekonomi negara.

13. Oleh sebab itu, kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang kini diterajui oleh Dato' Seri Hamzah

Zainuddin, meneruskan usaha Dasar Koperasi Negara 2011 hingga 2020, yang menetapkan untuk mencapai sekurang-kurangnya **RM50 bilion** **sumbangan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2020.** Sektor koperasi mampu menjadi sektor

ketiga sekiranya satu program transformasi dilaksanakan dengan mampan dan berkesan.

14. Pada pandangan saya, koperasi yang ditubuhkan mestilah telah menetapkan apakah fungsi sebenar yang ingin diceburi.

Koperasi juga perlu mengikuti perkembangan ekonomi negara secara lebih dekat dengan melihat penunjuk-penunjuk indeks ekonomi yang dikeluarkan oleh Bank Negara, Kementerian Kewangan dan agensi-agensi yang berkaitan lainnya.

15. Jika diteliti, dari segi dasar, melihat secara perspektif makro, sektor koperasi mesti menjadi penyumbang yang berkesan kepada pembangunan ekonomi negara. Manakala jika dilihat dari perspektif mikro, koperasi boleh menjadi penjana pertumbuhan

ekonomi, menjadi entiti perniagaan yang kompetitif, mampu untuk menjadi organisasi bantu diri yang efektif dan peka serta proaktif terhadap persekitaran.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekelian**

16. Sektor koperasi di negara ini, perlu mengambil peluang terhadap perkembangan ekonomi negara dan kuasa beli rakyat yang tinggi ini.

17. Koperasi-koperasi yang berskala mikro mewakili **83 peratus**

daripada jumlah koperasi seluruh negara. Koperasi mikro ini ialah koperasi yang menjana perolehan di bawah **RM200,000** setahun. Perolehan keseluruhan koperasi mikro di negara ini hanyalah kira-kira **RM264 juta** setahun. Pada kebiasaannya, koperasi baru yang

ditubuhkan, tergolong dalam koperasi mikro.

18. Oleh itu, ANGKASA menggalakkan supaya koperasi yang baru hendak menceburi bidang perniagaan atau kekurangan modal awalan,

bolehlah membuat pinjaman **Tabung Modal Pusingan (TMP) SKM** tanpa cagaran maksimum **RM50,000.**

19. Dan jika telah menceburi bidang perniagaan dan memerlukan modal yang lebih

besar, saya menggalakkan supaya menjadi anggota Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA atau **KOPSYA**. Ini merupakan satu peluang kepada koperasi mikro seperti koperasi keluarga atau koperasi kariah masjid atau koperasi teksi dan sebagainya yang

memerlukan modal tambahan untuk memulakan perniagaan.

20. ANGKASA sebagai badan yang mewakili gerakan koperasi negara, akan memohon kepada kerajaan untuk meningkatkan **TMP** ini kepada sekurang-kurangnya

**RM500,000** bagi membolehkan koperasi melaksanakan perniagaan yang lebih berimpak dan bernilai tinggi.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

21. Pada bulan November 2015, ANGKASA telah mendapat mandat daripada semua ahli yang hadir di Persidangan Khas Kebangsaan ANGKASA atau PKKA, untuk meluluskan pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) ANGKASA untuk membenarkan pemililihan anggota

lembaga secara serentak bagi tempoh empat tahun. Oleh itu, pada tahun ini, Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) dijangka akan diadakan pada Julai 2017 bagi membolehkan semua anggota lembaga

ANGKASA gugur dan dipilih semula secara serentak.

22. Dengan pelaksanaan ini, bermakna ANGGASA merupakan yang pertama melaksanakan peraturan ini dan akan menjadi satu-satunya koperasi yang boleh

melaksanakan kaedah ini. Impaknya kemungkinan semua koperasi juga akan menggunakan peraturan yang sama, jika pindaan terhadap Akta Koperasi 1993 dibuat mengikut apa yang telah ANGKASA rintiskan.

23. Untuk pengetahuan semua, ANGKASA telah mengadakan satu perbincangan yang melibatkan lebih 350 buah koperasi daripada pelbagai fungsi atau kluster koperasi dari seluruh negara. Agenda perbincangan ini adalah khusus atau berfokus kepada **Cadangan**

## **Kajian Semula Akta Koperasi 1993** atau dikenali juga sebagai **Akta 502.**

24. Cadangan ini penting bagi membolehkan gerakan koperasi memberikan input kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang diberikan tanggungjawab

untuk menyemak semula Akta Koperasi.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

25. Pada hari ini, gerakan koperasi perlu ke hadapan untuk

menjuarai ekonomi masyarakat. Oleh sebab itu, satu akta baru yang mesra koperasi dan boleh merangsang kegiatan ekonomi koperasi perlu digubal.

26. ANGKASA sebagai badan yang bertanggungjawab untuk

memayungi gerakan koperasi, akan bertindak proaktif dalam hal ini. Oleh kerana itulah, ANGKASA telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan koperasi-koperasi untuk mendapatkan maklum balas tentang permasalahan yang dihadapi, terutamanya

apabila ingin menjalankan  
perniagaan.

27. Hasil daripada maklum balas  
daripada koperasi ini, ANGKASA  
mendapati terdapat beberapa  
kekangan yang seperti:

1. Masalah Pengiktirafan :
  - ada sesetengah perniagaan seperti **pelancongan** dan **kesihatan** yang tidak mengiktiraf koperasi sebagai badan yang boleh menjalankan perniagaan.

– untuk mendapatkan pinjaman  
Perusahaan Kecil dan  
Sederhana atau PKS

## 2. Masalah Persepsi :

- koperasi sering dianggap sebagai badan CSR atau

hanya eksklusif kepada  
ahlinya sahaja.

- Koperasi hanya menjalankan  
perniagaan kecil-kecilan.

28. Halangan-halangan ini  
sebenarnya merupakan satu

cabaran kepada gerakan koperasi negara. Oleh kerana itu, melalui Dasar Koperasi Negara koperasi dikehendaki menceburi bidang perniagaan berimpak tinggi supaya ianya lebih memberi kesan kepada ekonomi negara.

29. Dan jika ini berlaku, persepsi terhadap koperasi oleh masyarakat akan berubah. Akta yang lebih mesra koperasi dilihat merupakan salah satu cara yang akan membolehkan koperasi dilihat relevan kepada persekitaran ekonomi negara.

30. Melalui kesepakatan dan penyatuan yang utuh, koperasi dan ANGKASA boleh merealisasikan hasrat untuk bersama-sama menjadi pemain dan kuasa utama dalam menentukan corak ekonomi negara menjelang tahun 2020.

31. Langkah pertama yang boleh dilakukan ialah dengan memberikan sokongan dan kepercayaan kepada ANGKASA.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang  
Dihormati Sekalian**

32. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang menghadiri Kursus Induksi Koperasi Ahli Baru ANGKASA yang dianjurkan pada kali ini.

33. Saya menyeru semua koperasi yang telah menjadi ahli ANGKASA, untuk hadir ke Persidangan Negeri dan Persidangan Kebangsaan dan memberi sokongan kepada ANGKASA dalam usaha membangun dan memajukan gerakan koperasi negara.

34. Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri yang memberikan kerjasama dalam menganjurkan kursus ini.

35. Dengan lafaz bismillahirrohman nirrohim, saya

Merasmikan Penutupan Kursus  
Induksi Koperasi Ahli Baru ANGKASA  
yang diadakan pada kali ini.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik wal hidayah,  
Assalamualaikum w.b.t.*